**NO. SOALAN : 50**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,**
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

| | | |
|---|---|---|
| **PERTANYAAN** | **:** | **LISAN** |
| **DARIPADA** | **:** | **TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM**<br>**[ SUNGAI SIPUT ]** |
| **TARIKH** | **:** | **23 JULAI 2020 (KHAMIS)** |

**SOALAN**

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan sejauh manakah Kerajaan melaksanakan cadangan Laporan Inkuiri Nasional Mengenai Hak Tanah Adat Orang Asli yang disediakan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) pada tahun 2013 terutamanya berkaitan dengan isu pengiktirafan hak Orang Asli terhadap tanah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pada 19 Julai 2013, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) telah membentangkan Laporan Inkuiri Nasional Mengenai Hak Tanah Adat Orang Asal/ Asli kepada Kerajaan dengan 18 syor telah dikemukakan. Lanjutan daripada pembentangan tersebut, Jemaah Menteri telah memutuskan supaya Pasukan Petugas ditubuhkan untuk mengkaji laporan inkuiri tersebut.

Pasukan Petugas Khas Mengkaji Laporan Inkuiri Nasional Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Mengenai Hak Tanah Orang Asal/ Asli yang diketuai oleh Institut Integriti Malaysia (IIM) telah mengkaji 18 syor Laporan Inkuiri Nasional berkenaan.

Hasil daripada kajian tersebut, Jemaah Menteri pada 3 Jun 2015 telah bersetuju dengan 17 daripada 18 syor yang dikemukakan Laporan Inkuiri Nasional Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Mengenai Hak Tanah Orang Asal/ Asli.

Sehubungan dengan itu, Jemaah Menteri telah menubuhkan Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Hak Tanah Orang Asal/ Asli yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri dan diurusetiakan oleh Jabatan Integriti dan Tadbir Urus Negara (JITN) pada ketika itu bagi memastikan syor-syor yang telah dipersetujui dilaksanakan mengikut tempoh masa yang dinyatakan.

Untuk makluman Yang Berhormat jua, pada masa ini, peranan urusetia ini telah letakkan di bawah tanggungjawab Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), JPM. Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) sentiasa bekerjasama dengan BHEUU dari masa ke semasa dalam memastikan syor-syor yang berkaitan Orang asli dapat dilaksanakan sewajarnya.

Dalam menangani isu tanah pula, JAKOA sentiasa mengadakan rundingan dan mengambil tindakan susulan bersama Kerajaan Pusat dan Negeri dalam memastikan usaha-usaha mewartakan tanah rizab Orang Asli dapat dilaksanakan dengan sebaiknya. Usaha ini sentiasa dipergiatkan dari semasa ke semasa melalui sesi masyarakat, perbincangan, libat urus, lawatan turun padang serta penganjuran program – program bersama masyarakat Orang asli.